

NO. SOALAN: 92

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

RUJUKAN : 7648

SOALAN:

**Datuk Seri Noh Bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan kesan langsung daripada pelaksanaan
POCA terhadap jumlah kes jenayah di Malaysia serta apakah indeks terkini
jenayah di Malaysia.**

JAWAPAN:

Semenjak pindaan Akta Pencegahan Jenayah 1959 dikuatkuasakan pada 2 April 2014 sehingga 28 Februari 2015, seramai 37 orang penama telah dikenakan Perintah Tahanan di bawah seksyen 19A Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297) kerana terlibat dengan kegiatan jenayah seperti curi, samun, pecah rumah, pertubuhan haram, kongsi gelap, dadah berbahaya dan penyeludupan migran.

Manakala bagi tempoh yang sama, seramai 257 orang penama telah dikenakan Perintah Pengawasan Polis di bawah seksyen 15 Akta ini kerana terlibat dengan kegiatan jenayah seperti perjudian, pelacuran, bunuh, keganasan, curi, samun, pecah rumah, pertubuhan haram dan kongsi gelap.

Justeru itu, pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta ini dilihat telah memberikan kesan langsung kepada penurunan jumlah kes jenayah indeks di negara ini. Berdasarkan statistik terkini, dari Januari sehingga 31 Disember 2014, jumlah kes jenayah indeks bagi jenayah kekerasan yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia ialah sebanyak 25,425 kes iaitu penurunan sebanyak 13.4% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013 yang mencatatkan sebanyak 29,375 kes.

Manakala bagi jenayah harta benda, sebanyak 103,119 kes telah direkodkan bagi tempoh Januari hingga 31 Disember 2014 iaitu penurunan sebanyak 12.4% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013 yang telah merekodkan sebanyak 117,687 kes. Bagi

tempoh yang sama pada tahun 2014 juga, sebanyak 19,299 kes jenayah jalanan telah direkodkan di mana penurunan sebanyak 13.6% berbanding tahun 2013 yang mencatatkan sebanyak 22,330 kes.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR [TANJONG KARANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan jumlah projek perumahan yang terbengkalai mengikut jenis rumah dan juga tahun terbengkalai dan apakah tindakan Kementerian dalam isu ini serta tindakan terhadap syarikat pemaju yang bermasalah seperti ini.

JAWAPAN :-

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2009 sehingga 31 Januari 2015, sebanyak 216 projek perumahan swasta telah diisytiharkan terbengkalai di seluruh Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 164 projek atau 75.9% telah berjaya disiapkan atau diselesaikan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Manakala sebanyak 22 projek atau 10.2% sedang dalam pelbagai peringkat pemulihan dan baki 30 projek atau 13.9% sedang dalam perancangan awal pemulihan. Daripada jumlah 216 projek terbengkalai tersebut, pecahan mengikut tahun projek diisytiharkan terbengkalai dan juga jenis rumah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Kerajaan memandang serius permasalahan yang dihadapi oleh para pembeli projek perumahan swasta terbengkalai di seluruh Malaysia. Justeru, Kerajaan melalui KPKT telah **Kerajaan mengambil tindakan**

menyenarai hitam pemaju-pemaju yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai. Apabila disenarai hitam, pemaju dan ahli lembaga pengarah terbabit tidak boleh memohon lesen dan permit iklan serta jualan yang baru. Pemaju juga tidak akan dapat untuk memperbaharui permit iklan dan jualan yang sedia ada. Senarai pemaju-pemaju yang disenarai hitam juga dipaparkan di laman sesawang Kementerian untuk rujukan pembeli dan *stakeholders* yang lain.

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah mengambil tindakan proaktif dengan membuat pindaan kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 [Akta 118] yang dijadual dikuatkuasakan bersekali dengan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] dan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [Akta 318]. Pindaan kepada Akta 118 dan peraturan-peraturan adalah seperti berikut:

(i) Seksyen 3:

Tafsiran pemaju perumahan merangkumi pihak pelikuidasi dan pegawai penerima.

(ii) **Seksyen 6:**

Deposit lesen pemajuan perumahan dipinda dari RM200,000 kepada 3.0% daripada anggaran kos pembinaan termasuk kos yuran professional tetapi tidak termasuk kos tanah.

(iii) **Seksyen 7B:**

Bagi maksud seksyen 7, 8, 8A, 11 dan 12, pemaju perumahan berlesen termasuk mana-mana pemaju perumahan yang lesennya telah tamat.

(iv) **Seksyen 8:**

Pembeli boleh secara individu memohon untuk menamatkan perjanjian jual beli pada bila-bila masa sekiranya tiada kemajuan pembinaan secara berterusan di tapak pembinaan selama enam (6) bulan atau lebih selepas perjanjian ditandatangani dengan syarat perlu mendapat perakuan daripada Pengawal Perumahan dan mendapat persetujuan bertulis daripada pihak pembiaya.

(v) **Subseksyen 16N:**

Tuntutan di TTPR merangkumi pemaju perumahan yang tidak berlesen.

(vi) **Subseksyen 16AD(1):**

Kadar penalti dinaikkan kepada tidak kurang daripada RM10,000.00 tetapi hendaklah tidak melebihi RM50,000.00.

(vii) **Subseksyen 24(2):**

Menaikkan kadar penalti maksimum bagi kesalahan di bawah peraturan daripada RM20,000 kepada RM50,000.

(viii) **Seksyen 18A (Fasal Baru):**

Tindakan Pendakwaan terhadap pemaju perumahan berlesen yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
April 2015

LAMPIRAN A

Bil.	Tahun Terbengkalai	Bilangan Projek	Jenis Rumah (Bilangan Projek)	
			Rumah Teres	Rumah Pangsa
1.	Sebelum 1998	8	7	1
2.	1999	6	4	2
3.	2000	7	5	2
4.	2001	13	10	3
5.	2002	19	12	7
6.	2003	28	21	7
7.	2004	19	14	5
8.	2005	32	21	11
9.	2006	8	5	3
10.	2007	4	4	-
11.	2008	1	1	-
12.	2009	4	3	1
13.	2010	13	8	5
14.	2011	6	4	2
15.	2012	11	7	4
16.	2013	27	18	9
17.	2014	10	6	4
Jumlah Keseluruhan		216	150	66